

PANDUAN MENGISI JADUAL

Panduan Mengisi Jadual 1

Masukkan bilangan kes penerima bantuan yang masih aktif dan Jumlah (RM) mengikut Daerah, Parlimen, Skim Bantuan, Etnik dan Jantina. Kes aktif merujuk kepada **kes sedia ada** dan **kes baru**.

Panduan Mengisi Jadual 2

Masukkan bilangan kes Penerima Bantuan Penyerahan Kanak-Kanak (BKK) Mengikut Daerah, Parlimen, Etnik, Kategori Penerima Bantuan Dan Jantina.

Pastikan jumlah kes dan jumlah bantuan (RM) jadual ini sama dengan Jumlah Skim Bantuan BKK di Jadual 1.

Status Penerima Bantuan

- **Ibu tunggal** merujuk kepada wanita yang telah kematian suami atau telah bercerai atau ditinggal suami atau suami menghilangkan diri tanpa sebarang nafkah selama 6 bulan.
- **bapa tunggal** merujuk kepada lelaki yang telah kematian isteri atau telah bercerai atau ditinggal isteri atau isteri menghilangkan diri.
- **Penjaga anak yatim** merujuk kepada seseorang yang menjaga kanak-kanak yang telah kematian ibu atau bapa.
- **Penjaga anak yatim piatu** merujuk kepada seseorang yang menjaga kanak-kanak yang telah kematian kedua-dua ibubapanya.
- **Penjaga anak orang tahanan/bantuan** merujuk kepada seseorang (termasuk pasangan) yang menjaga kanak-kanak kerana ibubapanya / bapanya / ibunya ditahan di sesebuah institusi dalam tempoh yang tertentu yang tidak membolehkannya memberi nafkah kepada keluarga. Contoh : penjara, Pusat Serenti atau Lain-lain (Nyatakan) tempat tahanan.
- **OKU** merujuk kepada seseorang yang orang kurang upaya.
- **Orang sakit** merujuk kepada seseorang dimana seseorang ibu / bapa atau kedua-duanya menghadapi penyakit kronik yang menyebabkan tidak boleh bekerja.
- **Orang tua** merujuk kepada seseorang dimana seseorang ibu / bapa atau kedua-duanya telah berusia 60 tahun atau lebih.
- **Orang miskin** merujuk kepada keluarga yang berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan tidak tergolong dari mana-mana kategori di atas. Pendapatan Garis Kemiskinan : Semenanjung Malaysia (RM760); Sarawak (RM910); Sabah (RM1,050).
- **Lain-lain (Nyatakan)** merujuk kepada penerima bantuan selain daripada kategori di atas.

Panduan Mengisi Jadual 3

Masukkan bilangan kes Penerima Bantuan Am (BA) Mengikut Daerah, Parlimen, Etnik, Kategori Penerima Bantuan Dan Jantina.

Bilangan Kes adalah merujuk kepada Jumlah Kes Bantuan Am Negeri sahaja.

Jumlah Bantuan adalah merujuk kepada Skim Bantuan BA (Negeri + MTEN)

Pastikan jumlah bantuan (RM) jadual ini sama dengan Jumlah Skim Bantuan BA (Negeri + MTEN) di Jadual 1.

Panduan Mengisi Jadual 4

Masukkan bilangan kes Penerima Geran Pelancaran (GP) Mengikut Daerah, Parlimen, Etnik, Kategori Penerima Bantuan Dan Jantina.

Pastikan jumlah kes dan jumlah bantuan (RM) jadual ini sama dengan Jumlah Geran Pelancaran di Jadual 1.

Panduan Mengisi Jadual 5

Masukkan bilangan kes Penerima Geran Pelancaran (GP) Mengikut Daerah, Parlimen, Jenis Projek Dan Jantina.

Pastikan jumlah kes dan jumlah bantuan (RM) jadual ini sama dengan Jumlah Geran Pelancaran di Jadual 1.

Panduan Mengisi Jadual 6

Masukkan bilangan kes Penerima Elaun Pekerja Cacat (EPC) Mengikut Daerah, Parlimen, Kategori Ketidakupayaan Dan Jantina.

Pastikan jumlah kes dan jumlah bantuan (RM) jadual ini sama dengan Jumlah Elaun Pekerja Cacat di Jadual 1.

Panduan Mengisi Jadual 7

Masukkan bilangan kes Penerima Bantuan Atlat Tiruan/Sokongan (AT) Mengikut Daerah, Parlimen, Jenis Alat Tiruan/Sokongan Dan Jantina.

Pastikan jumlah kes dan jumlah bantuan (RM) jadual ini sama dengan Jumlah Skim Bantuan AT di Jadual 1.

Panduan Mengisi Jadual 8

Masukkan Bilangan Keluarga Bagi Bantuan Bencana Mengikut Daerah, Parlimen, Jenis Bencana Dan Jantina.

Pastikan jumlah kes dan jumlah bantuan (RM) jadual ini sama dengan Jumlah Skim Bantuan Bencana di Jadual 1.

Panduan Mengisi Jadual 9

Masukkan Bilangan Permohonan Bantuan Kebajikan Mengikut Daerah, Parlimen, Etnik, Status Permohonan Dan Jantina.

Kes mohon merujuk kepada permohonan yang baru.

Panduan Mengisi Jadual 10

Masukkan Bilangan Kes Bantuan Kebajikan Yang Telah Diluluskan Mengikut Daerah, Parlimen, Skim dan Jantina.

Panduan Mengisi Jadual 11

Masukkan Bilangan Kes Bantuan Kebajikan Yang Ditamatkan/tutup Mengikut Daerah, Parlimen, Skim dan Jantina.